

# Kedudukan ekonomi kita berdaya tahan

UM 24 JUL 2001

KUALA LUMPUR 23 Julai — Malaysia berada dalam kedudukan ekonomi yang lebih sihat dan berdaya tahan untuk mengharungi kelembapan ekonomi dunia semasa.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kelembapan ekonomi yang melanda Malaysia sekarang adalah berbeza dengan kemelesetan ekonomi akibat krisis kewangan 1997.

Menurut beliau, ini kerana pada tahun 1997 kegawatan ekonomi yang berlaku didorong oleh penyangak mata wang yang mengambil kesempatan daripada kelemahan sistem kewangan antarabangsa.

Katanya, kelembapan ekonomi dunia sekarang adalah satu pusingan *cyclical* dan keadaan itu dialami oleh kebanyakan negara yang terlalu bergantung kepada eksport barangan elektronik.

“Ekonomi kita mempunyai asas yang kukuh seperti rizab luar negara tinggi yang boleh menampung import sehingga 3.9 bulan, pinjaman luar jangka pendek yang rendah dengan 10.6 peratus daripada jumlah hutang dan 17.78 peratus dari rizab negara,” tegasnya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan **Datuk Mustafa Ali (Pas-Dungun)** di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Perdana Menteri, selain rizab dan pinjaman yang menyakinkan sistem perbankan Malaysia juga berada dalam kedudukan yang lebih kukuh dengan nisbah modal berbanding risiko pada kadar 12.1 peratus dan tahap hutang lapuk pada paras 7.4 peratus sahaja.

Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan telah melaksanakan pakej rangsangan fiskal berjumlah RM3 bilion baru-baru ini sebagai tambahan kepada peruntukan belanjawan sebanyak RM28 bilion pada tahun 2001 untuk mengurangkan kesan negatif kelembapan ekonomi AS.

Permintaan swasta pula, kata beliau, meningkat sebanyak 6.5 peratus manakala pelaburan meningkat pada kadar 7.4 peratus.

Dr. Mahathir menambah, eksport negara hanya meningkat sebanyak 0.2 peratus pada lima bulan pertama tahun ini berbanding 19.3 peratus dalam tempoh yang sama tahun lalu akibat kelembapan ekonomi AS dan pemulihan ekonomi Jepun yang tidak menentu.